

13/06/2000

PM saran pelabur Jepun pindah operasi ke Malaysia

M Thillinadan in Tokyo

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan pelabur Jepun yang dibebani kos operasi tinggi di negara itu supaya memindahkan operasi mereka ke Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia adalah pilihan terbaik kerana pelbagai kemudahan yang disediakan dan kos pengeluaran yang masih rendah berbanding negara lain.

Beliau berkata, syarikat Jepun yang sebelum ini datang ke Malaysia untuk membuka kilang (1970-an dan 1980-an) telah mencapai kejayaan besar dan ia patut dijadikan alasan untuk memilih Malaysia.

"Mungkin mereka (pelabur Jepun) patut memulakan pusingan kedua pemindahan operasi ke Malaysia, selepas rakan mereka berjaya membuktikannya," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan kerja seminggu ke Jepun.

Dalam lawatan itu, beliau melawat kilang membuat mesin berkomputer terbesar di dunia, Yamazaki Mazak Corporation di Nagoya; Pusat Kajian dan Pembangunan Toyota Motor Corporation; Pusat Multimedia Matsushita Electric Industrial Co Ltd dan Mitsubishi Motors Corporation.

Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dengan bekas Naib Menteri Kewangan Jepun, Dr Eisuke Sakakibara; Presiden Softbank Corp, Masayoshi Son dan Presiden Mitsubishi Motors Corporation, Katsuhiko Kawasoe.

Dr Mahathir turut menerima jaminan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori, bahawa Jepun akan meneruskan dasar mesra Asia serta menawarkan kredit Yen dengan kadar faedah yang rendah dan tempoh bayaran balik yang panjang.

Menurut Perdana Menteri walaupun kadar pengangguran yang tinggi di Jepun akan memaksa ahli perniagaannya memberi tumpuan dalam negara, Malaysia tetap menarik minat kerana ia menawarkan peluang untuk bersaing dari segi kos.

Mengulas mengenai lawatannya, beliau berkata ia memberi peluang kepadanya untuk mengenal pasti industri yang boleh dimajukan di Malaysia.

"Industri kita di Malaysia walaupun banyak komponen dibuat di dalam negara, tetapi dalam komponen itu juga ada bahan import. Jadi kita nak buat sendiri untuk kurangkan import.

"Saya juga amat berminat dengan industri pembungkusan makanan Jepun yang sangat maju dan harap kita dapat lebih mempelajari teknologi itu," katanya.

Bagaimanapun, beliau kecewa dengan pencapaian kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) syarikat tempatan walaupun kerajaan sudah menyediakan peruntukan sehingga Rm1 bilion.

Katanya, syarikat Malaysia suka menggunakan apa yang sudah dicipta dan digunakan orang lain.

"Selagi tak keluar daripada belunggu itu, R&D agak terhad. Rakyat kita mesti berani guna idea sendiri. Jangan ingat orang lain punya yang terbaik ... kita juga ada kemampuan ... pemikiran kita agak beku.

Mengulas mengenai kerjasama dengan syarikat motor Jepun, Dr Mahathir berkata walaupun ada kerjasama, Proton dan Perodua akan terus dikekalkan sebagai kereta kebangsaan.

(END)